

24/10/1998

PM tidak pernah cadang jumpa Clinton

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, soal perbincangan dua hala dengan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini bulan depan tidak timbul kerana kerajaan sendiri tidak pernah bercadang mengatur pertemuan itu.

"Soal pertemuan dua hala tidak timbul. Kita tidak minta, apa nak bangkit perkara ini," katanya kepada pemberita selepas membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan dari Washington bahawa Clinton tidak akan melakukan kunjungan hormat terhadap beliau ketika mesyuarat Apec yang dijadual di sini pada 17 dan 18 November.

Agensi berita hari ini memetik pegawai Rumah Putih sebagai berkata, tindakan Clinton itu bagi membantah penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menghadapi 10 tuduhan rasuah dan salah laku seks.

Dr Mahathir juga menegaskan, Malaysia tidak mempunyai cadangan untuk memindahkan tempat persidangan itu seperti dicadangkan oleh dua ahli kongres Amerika Syarikat, Ben Gilman dan Doug Bereuter.

"Kita nak buat di sini...bagi kita semuanya seperti biasa," katanya.

Mengenai kenyataan dua anggota kongres itu supaya Clinton turut membangkitkan soal hak asasi manusia, Dr Mahathir berkata mesyuarat Apec seharusnya membincangkan soal kerjasama ekonomi dan tidak perkara lain termasuk politik.

"Saya mahu tegaskan bahawa Apec adalah mengenai kerjasama ekonomi, ia tiada kena mengena langsung dengan politik. Jika anda mahu mengubahnya menjadi forum politik, ia bukan lagi Apec.

"Jika anda mahu membuat bantahan atau apapun, anda boleh berbuat demikian pada masa lain," katanya.

Mengenai ketiadaan bonus dalam belanjawan kali ini, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, langkah itu bukan bermakna kerajaan tidak menghargai sumbangan kakitangan awam.

(END)